

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019  
DIBAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b>				
1	Bengkel Rintis <i>Ideation, Invention and Innovation</i> (DI <sup>3</sup> )	Pelakuan Organisasi	<p>Membolehkan peserta bengkel untuk mendapatkan teknik dan pengetahuan yang berkaitan khususnya dalam bidang kreatif dan inovasi, seperti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● menggunakan proses <i>engineering</i> yang bersesuaian</li> <li>● mengenalpasti potensi keupayaan MINDEF serta ketersediaan RBAF</li> <li>● menghasilkan ide yang berinovatif dengan menggunakan teknik merekabentuk yang kreatif</li> <li>● bekerjasama dengan rakan sekerja untuk menjana ide, konsep dan prototaip</li> <li>● menerangkan ide-ide, konsep dan prototaip kepada pihak atasan didalam rangkaian MINDEF dan RBAF</li> <li>● memberikan ide, konsep atau prototaip kepada pelabur.</li> <li>● membuat kajian yang lebih lanjut dan megembangkan ide, konsep dan prototaip.</li> </ul>	<p>Bengkel Rintis <i>Ideation, Invention and Innovation</i> (DI<sup>3</sup>) adalah merupakan satu siri bengkel yang akan dikendalikan sekali setahun, bermula tahun 2019. Bengkel tersebut dihasratkan untuk menjana ide -ide baru yang berkaitan dengan inovasi masa depan / penyelesaian kepada cabaran-cabaran semasa dalam organisasi. Disamping itu juga ianya dihasratkan dapat membentuk konsep yang berinovasi dan rekabentuk untuk kegunaan masa depan organisasi. Bengkel tersebut telah mula dikendalikan pada jun 2018.</p>
2	Dasar Kementerian Pertahanan bagi Harta Intelek dan Hak-Hak yang Berkaitan	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Untuk melindungi dan menjaga harta intelek yang dimiliki oleh Kementerian Pertahanan dan ABDB</li> <li>● Untuk memberi pemahaman kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB mengenai aplikasi undang-undang menggunakan harta intelek yang dimiliki oleh pihak luar</li> <li>● Untuk memberikan penerangan jelas mengenai dengan undang-undang dan pematuhan terhadap proses yang berkaitan serta untuk menggalakkan inovasi dan perkembangan teknologi dan saintifik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Projek 'Dasar Kementerian Pertahanan bagi Harta Intelek dan Hak-Hak yang Berkaitan' ini adalah buku panduan atau <i>handbook</i> yang memberikan penerangan jelas mengenai dengan undang-undang dan pematuhan terhadap proses yang berkaitan serta menggalakkan inovasi teknologi dan saintifik</li> <li>● Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengenai pengetahuan dan aplikasi Harta Intelek</li> <li>● Harta Intelek daripada Kemeterian Pertahanan dan ABDB selalunya dijana daripada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perkembangan, usahasama bersama syarikat-syarikat dan pembekal teknologi dan sebagainya</li> <li>● Projek ini memberikan garispandu bagi perlindungan dan penggunaan harta intelek yang dijana oleh individu-individu yang bekerja di Kementerian Pertahanan dan ABDB dan juga penggunaan harta intelek yang dimiliki oleh pihak luar.</li> </ul>
3	Projek Pembukuan dan Pelancaran Pelan Pengurusan	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Untuk membimbing pegawai dan kakitangan JPPK dalam merealisasikan visi jabatan dengan memperkenalkan dan mengemaskini objektif-objektif bagi menggalakkan keputusan yang lebih baik dan cekap, pelaburan yang kos efektif dan penyelesaian yang sesuai</li> <li>● Untuk berfungsi sebagai hala tuju bagi meningkatkan proses pentadbiran dan kecakapan teras profesional Jabatan dalam lima tahun mendatang kearah memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan di KEMENTAH dan ABDB</li> </ul>	<p>Pelan Pengurusan JPPK adalah perancangan jangka masa panjang bagi pengurusan dan pemeliharaan bangunan-bangunan serta infrastruktur KEMENTAH bagi mengatasi cabaran masa hadapan dan mampu untuk menyesuaikan dengan keperluan KEMENTAH dan ABDB yang akan datang. Pelan ini dibuat hasil daripada keperluan untuk berpandangan jauh dan tetap berjimati dalam mengurangkan jangkaan infrastruktur lama serta persekitaran keselamatan dan lanskap yang pesat. Antara objektif utama pembangunan infrastruktur adalah untuk memastikan penyediaan fasiliti</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019  
DIBAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mencapai pengurusan tenaga manusia yang mapan dan teguh, Bahagian Kemajuan Projek yang berkesan dan inovatif dan Bahagian Pemeliharaan Estet yang responsif dan berdaya tahan.</li> </ul>	strategik bagi meningkatkan keberkesanan operasi pertahanan, sebagai pembolehpayaan pertahanan untuk memenuhi kebajikan dan kesihatan anggota pertahanan.
4	Pensijilan Baru ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengesahkan sistem pengurusan telah mematuhi semua keperluan piawaian audit</li> <li>• Mengesahkan sistem pengurusan dapat mencapai objektif asas organisasi</li> <li>• Mengesahkan organisasi telah melaksanakan perancangan yang dirancang secara berkesan</li> <li>• Membuktikan keupayaan / kebolehan dalam menyediakan produk dan servis yang dapat memenuhi keperluan pelanggan dan perundangan secara konsisten</li> <li>• Meningkatkan kepuasan pelanggan melalui pelaksanaan yang berkesan dan jaminan kepatuhan terhadap pelanggan dan perundangan</li> </ul>	Pensijilan ini adalah bagi mengesahkan bahawa JPPK dalam mematuhi piawaian antarabangsa tertinggi, berkesan dalam melaksanakan strategi yang dirancang dan mempunyai sistem pengurusan yang boleh mencapai matlamat dan objektif Kementerian serta memastikan keperluan KEMENTAH dan ABDB dipenuhi